

**SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH KLUSTER 6
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**UJIAN DIAGNOSTIK RENDAH ATAS TAHUN 2022
SEKOLAH RENDAH LUMUT, BELAIT**

TAHUN 5

BAHASA MELAYU KERTAS 2

MASA : 1 JAM

ARAHAN :

Kamu dikehendaki menjawab semua soalan iaitu soalan 1 hingga soalan 12.
Baca dan Fahami soalan sebelum menjawab. Semak jawapan kamu setelah
selesai menjawab semua soalan.

Nama	
Tahun	
Tarikh	

Nombor soalan	Markah diperolehi	Markah Keseluruhan
1		20
2		5
3		5
4		10
5		5
6		10
7		5
8		10
9		5
10		10
11		10
12		5
JUMLAH		100

1. Baca petikan karangan dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

LIMAU SUMBER VITAMIN C

Nama saintifiknya ialah Citrus Aurantifilio. Limau mempunyai banyak khasiat yang baik untuk kesihatan tubuh badan kita. Buah limau mempunyai vitamin C, kalsium, potassium dan zat besi. Sejumlah zat galian dan potassium yang terdapat pada buah limau dapat membantu mengatur tekanan darah dan fungsi jantung selain melancarkan sistem saraf.

Tentu ada di antara kita yang gemar minum teh lemon ais atau kesturi sejuk. Bahan yang digunakan untuk membuat minuman tersebut adalah buah limau yang dicampur dengan sedikit gula. Buah limau ada yang manis dan masam. Antara limau yang terdapat di negara kita adalah limau mandarin, limau manis, limau kesturi, limau purut, limau nipis, limau kapas dan limau besar.



Di negara kita, buah limau boleh dibeli di pasar raya, kedai runcit, gerai dan tamu. Limau jenis manis sesuai dibuat jus dan jem. Limau jenis masam boleh dijadikan sebagai cecair menghilangkan bau hanyir setelah menyiang ikan.

Meminum air limau setiap hari dapat meningkatkan daya tahan tubuh dari serangan virus. Selain itu, limau juga boleh dijadikan ubat batuk. Caranya ialah dengan mencampurkan sedikit kicap dan garam ke atas limau sebelum memakannya.

Jawab soalan-soalan berikut dalam bentuk ayat yang lengkap.

1. Apakah nama saintifik bagi buah limau?

2. Apakah vitamin dan zat galian yang terdapat dalam buah limau?

3. Sejumlah zat galian dan potassium yang terdapat pada buah limau dapat membantu apa?

4. Apakah minuman yang digemari kebanyakan orang yang diperbuat daripada buah limau?

5. Apakah bahan-bahan yang digunakan untuk membuat minuman tersebut?

6. Nyatakan limau-limau yang terdapat di negara kita?

7. Dimanakah buah limau boleh dibeli?

8. Limau jenis apakah yang sesuai dibuat jus dan jem?

9. Limau jenis masam pula boleh dijadikan sebagai apa?

10. Apakah yang akan berlaku jika meminum air limau setiap hari?

(20 Markah)

2. Berikan ANTONIM (kata berlawanan) bagi perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah.

- a. Air sungai yang _____ itu bertukar menjadi keruh kerana hari hujan.
- b. Cahaya di luar sangat terang, tetapi di dalam bilik itu _____ sahaja.
- c. Barang yang tulen lebih baik daripada barang _____.
- d. Datuknya yang uzur itu kini semakin _____ setelah dirawat di hospital
- e. Burung yang _____ di dahan itu telah terbang apabila terdengar bunyi letupan yang bising.

(5 markah)

3. Isikan KATA GANDA yang sesuai di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

- a. Murid- _____ diarahkan untuk beratur pada setiap pagi.
- b. Pemandangan yang berbukit-_____ itu sangat cantik.
- c. Ibu menyediakan berbagai jenis lauk-_____ sebagai hidangan makan malam.
- d. Saudara-_____ saya kesemuanya tinggal di Daerah Belait.
- e. Dalam kejadian banjir itu, semua harta-_____ haji Samad habis musnah.

4. Pilih IMBUHAN yang sesuai bagi kata dasar di bawah.

- a. Matahari _____ benam di sebelah barat. (men,ter,ber)
- b. Pak Abu sedang _____ jala ikan dalam kolamnya (ter,pen,men)
- c. Fatimah _____letak_____ buku di atas mejanya (me-kan,di-kan,meng-kan)
- d. Rumah saya _____dekat_____ dengan rumah Amin. (ter-kan,ber-kan,di-kan)
- e. Daud telah _____menang_____ perlumbaan basikal itu. (per-kan,di-i,me-i)
- f. Ayah _____hadiah_____ saya sebuah basikal berjenama BMX. (meng-i,meng-kan,men-i)
- g. Sebuah masjid akan _____diri_____ di kampong ini. (di-kan,meng-kan,ter-kan)
- h. Alya berasa terpegun melihat _____cantik_____ lukisan itu. (di-kan,ke-kan,men-i)
- i. Budak itu _____letih_____ kerana dikejar oleh seekor anjing liar. (ber-an, ke-an, peng-an)
- j. Menjelang peperiksaan, saya lebih suka belajar secara _____sendiri_____ di rumah. (me-an, ber-an, ter-an)

(10 Markah)

5. Isikan tempat kosong dengan **PENJODOH BILANGAN** yang sesuai.

- a. Ahmad makan dua _____ roti semasa sarapan pagi.
- b. Ayah membeli tiga _____ payung di kedai itu.
- c. Kakak memberikan se_____ pisang emas kepada jirannya.
- d. Ayah menggunakan se_____ kapak untuk membelah kayu api.
- e. Abang menghadiahkan isterinya se_____ cincin emas.

(5 Markah)

6. Tuliskan **SINONIM (kata seerti)** bagi perkataan berikut.

- a. Abu berasa riang (_____) apabila mendapat hadiah dari gurunya.
- b. Adam ditanya (_____) gurunya mengapa dia lewat datang ke sekolah.
- c. Tolong ampunkan (_____) kesalahannya sekali ini.
- d. Cikgu Aminah mengingatkan muridnya jangan mengulangi kesilapan yang sama pada masa (_____) akan datang.
- e. Dia menyimpan duit (_____) di dalam tabungnya.
- f. Musim hujan ini, cuaca pada waktu malam sangat dingin (_____)
- g. Faiz membasuh (_____) kasut bolanya selepas bermain bola.
- h. Cermin tingkap (_____) rumah di tepi padang bola itu pecah terkena bola.
- i. Orang tua yang berjalan di atas bukit itu tiba-tiba sahaja ghaib (_____).
- j. Ketika bekalan elektrik terputus, ibu memasang beberapa lilin (_____) di dalam rumah.

(10 Markah)

7. Isikan tempat-tempat kosong di bawah dengan **PENANDA WACANA** yang sesuai.

lebih-lebih lagi	walaupun	di samping itu	namun begitu	namun
------------------	----------	----------------	--------------	-------

- Remai sungguh pelanggan pusat membeli-belah itu, _____ pada awal bulan.
- Alif hidup di dalam kemewahan, _____ dia tidak pernah meninggikan diri.
- Nizam tetap bermain bola sepak _____ kakinya sakit.
- Kasut itu mahal harganya _____ orang tetap membelinya.
- Dia aktif dalam sukan badminton, _____ dia juga rajin belajar.

(5 Markah)

8. Tuliskan semula senarai PERKATAAN yang terdapat di dalam petak di bawah pada ruangan yang disediakan mengikut jenisnya.

Kedekut	Perlahan	tertidur	Pandai	pemurah
berlari	menembak	Melompat	sejuk	Menyapu

Kata Kerja	Kata Adjektif (Sifat)

(10 Markah)

9. Tulis semula ERTI PERIBAHASA di bawah dengan tajuk peribahasa yang sesuai.

Sahabat atau sanak-saudara dijadikan sebagai saksi
Perkara yang menjadi percakapan dan perbualan orang ramai
Orang yang berjalan dengan lenggang-lenggok
Membuat kerja yang sia-sia
Pandai berikhtiar untuk menyelamatkan diri

a. Buah Mulut

b. Cangkul Angin

c. Bersaksi ke lutut

d. Cupak Hanyut

e. Akal Kancil

(5 Markah)

10. Pilih JENIS-JENIS AYAT yang sesuai di bawah.

Ayat Seru	Ayat Larangan	Ayat Penyata	Ayat Majmuk	Ayat Tanya
-----------	---------------	--------------	-------------	------------

a. Aminah membeli buah rambutan dan manggis di Tamu Kianggeh.

b. Aduh, sakitnya gigiku!

c. Rumah Tuan Rahman terletak di atas bukit.

d. Jangan bising semasa berada di dalam perpustakaan.

e. Adakah kamu mengulangkaji pelajaran semalam?

f. Wah, cantik sungguh pemandangan di Ulu Temburong ini".

g. Berapakah umur ayah awak sekarang?

h. Abdul dilantik menjadi ketua kelas tahun 5 Pintar

i. Jangan buang sampah di merata tempat

j. Ajis tidak suka membuang masa dan melepak di kedai kopi.

(10 Markah)

11. Tuliskan semula ayat-ayat di bawah ini dengan membubuhkan TANDA BACA yang betul.

a. Aisyah Juliana dan Aliya pergi ke sekolah dengan menaiki basikal

b. Siapakah nama anak perempuan haji Omar

c. Amboi cantiknya rumah di tepi sungai itu

d. Apakah yang dibuat budak itu tanya Fatimah

e. Sebelum ke pejabat ayah bersarapan pagi dengan kopi dua keping roti dan sebiji telur.

(10 Markah)

12. Isikan tempat kosong dengan KATA HUBUNG yang sesuai.

kerana	supaya	sambil	sementara	serta
--------	--------	--------	-----------	-------

a. Pak Abu membaca suratkhabar _____ menunggu isterinya membeli-belah.

b. Fazli terlambat sampai ke sekolah _____ kereta ayahnya rosak.

c. Tukang masak itu memasukkan bawang, cili _____ halia ke dalam masakannya.

d. Cikgu menasihati Azim _____ belajar bersungguh-sungguh.

e. Budak yang menangis itu berlari _____ memanggil nama ibunya.

(5 Markah)